

TABUNG KEBAJIKAN STAF UPM



ANDA DITIMPA MUSIBAH?
BAGAIMANA UNTUK MEMBANTU
RAKAN ANDA YANG DITIMPA
MUSIBAH?



*"Tangan di atas lebih baik
dari tangan di bawah"*



Pelancaran Tabung Kebajikan Staf UPM
sempena Majlis Peruntusan 100 Hari
Naib Canselor UPM pada 11 April 2011

Hadith:

Dari Hakim bin Hizam r.a katanya: "Tangan yang di atas (tangan yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (tangan yang menerima atau meminta). Maka bawahan itu mulakanlah memberi kepada keluargamu. Sebaik-baik sedekah ialah ketika kaya. Sesiaapa yang memohon dipelihara (agar ia tidak sampai meminta-minta) Allah akan memeliharanya dan sesiaapa yang memohon dicukupkan (agar ia tidak bergantung selain kepada Allah) Allah akan mencukupkannya."

(al-Bukhari)

Huraian

BERSEDEKAH dalam Islam bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan. Konsep bersedekah dalam Islam adalah luas, membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian maupun fizikal. Setiap orang yang berbuat kebajikan nescaya diberkati Allah dengan dikurniakan kesejahteraan hidup dan mendapat rahmat-Nya. Allah juga akan mengelakkan hartanya daripada kecurian atau hilang. Dalam surah al-Lail, Allah telah menyatakan tentang sifat kedekut dan ego di mana orang yang bersifat demikian kehidupannya akan dipenuhi dengan liku yang sukar dan bermasalah. Bahkan Seseorang yang tidak suka bersedekah adalah umpama seseorang yang mempunyai benih tanaman, tetapi tidak pula ia menanamnya. Orang yang tidak suka bersedekah ini tidak akan dapat memungut atau menuai hasil rezekinya itu.



KETERANGAN LANJUT :

Urusetia Tabung Kebajikan Staf UPM

Seksyen Perubatan dan
Perhubungan Pekerja
Pejabat Pendaftar

Tel: 03-8946 6246 / 6137
03-8947 1556 / 1562

Emel: zenaida@putra.upm.edu.my /
m.shahrulanwar@putra.upm.edu.my



TABUNG KEBAJIKAN STAF UPM

APA ITU TABUNG KEBAJIKAN STAF?

Penubuhan Tabung Kebajikan Staf UPM telah diluluskan oleh Mesyuarat JPU ke-398 (Khas) dan dilancarkan pada 11 April 2011 bersempena Majlis Peruntusan 100 Hari Naib Canselor UPM dengan tujuan:

- 1. Membantu staf Universiti dalam meringankan beban yang dihadapi disebabkan oleh sesuatu musibah.
 - 2. Mewujudkan komuniti Universiti yang prihatin dengan menunaikan tanggung jawab sosial secara bersama.
- Dapat meningkatkan saham Akhirat melalui sumbangan dan amal jariah.

BAGAIMANA UNTUK MENYUMBANG?

Salah satu cara penjanaan dana tabung ini adalah daripada staf yang bersetuju untuk menyumbang secara tetap melalui potongan gaji secara bulanan. Ia adalah terbuka kepada semua staf Universiti yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan bertaraf Tetap, Kontrak dan Sementara (Tutor) tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.

Staf yang berminat untuk membantu menyumbang di dalam Tabung Kebajikan ini boleh mengisi Borang Persetujuan dan menghantar borang tersebut ke Pejabat Pendaftar. Kadar sumbangan adalah **tidak ditetapkan** dan ianya bergantung kepada nilai yang ingin disumbangkan oleh individu.

PERLUKAN BANTUAN?

Staf yang memerlukan bantuan boleh membuat permohonan dengan mengemukakan surat berserta dokumen sokongan (cth: laporan polis, laporan doktor) kepada:

Jawatankuasa Tadbir Urus Tabung Kebajikan Staf UPM,
Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja,
Pejabat Pendaftar.

Ia adalah terbuka kepada semua staf Universiti yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan bertaraf Tetap, Kontrak dan Sementara (Tutor) tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.

Faedah:

Kategori	Kadar
Bencana alam	RM500.00
Kebakaran	RM500.00
Masuk wad akibat kemalangan	RM300.00
Masuk wad dalam jangka masa panjang	RM1,000.00 / RM300.00
Hilang upaya (akibat kemalangan)	RM1,000.00
Kematian	RM1,000.00
Penyakit kritis	RM1,000.00
Rompakan	RM300.00

*Berdasarkan syarat dan kelayakan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat JPU ke-419.



BORANG PERSETUJUAN SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN STAF UPM MELALUI POTONGAN GAJI BULANAN

Saya

No. K/P

No. Staf

PTJ

dengan ikhlas bersetuju membuat potongan gaji sebanyak RM..... sebagai sumbangan bulanan ke dalam tabung ini berkuatkuasa mulai bulan tahun

Tandatangan:

Tarikh: